Dalam perkembangan lain Zuraida berkata, Majlis Tindakan Ekonomi Selangor (MTES) dijangka mengadakan perbincangan berhubung proses mengambil alih tanah bagi cadangan pembangunan semula kondominium Highland Towers pada 8 Januari hadapan.

"Saya telah berbincang dengan Menteri Besar (Datuk Seri Amirudin Shari) pada Isnin lepas dan ia akan dibawa ke MTES untuk diluluskan," katanya.

Sementara itu, Zuraida yang juga Ahli Parlimen Ampang berkata, padang bola Tasik Tambahan yang berusia kira-kira 20 tahun, akan dinaik taraf dengan dilengkapi pelbagai kemudahan termasuk tempat duduk berbumbung untuk penonton.

Secara tidak langsung katanya, ia dapat meningkatkan imej bandar itu menjadi sebuah bandar raya pada masa hadapan. – Bernama